

BULETIN KPWKM

BIL.
02/2019



#KHIDMAT MASYARAKAT
KPWKM

BAHTERA@PSR

#BERITA KPWKM

KONVENSYEN
WANITA DAN
KELUARGA
KEBANGSAAN

#PROGRAM MESRA RAKYAT

MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM
SANTUNI RAKYAT
PERINGKAT
NEGERI MELAKA

SEMANGAT “KITA KAN KELUARGA”

DIPERLUASKAN DI PERINGKAT
ORGANISASI DAN KOMUNITI

SEMANGAT “KITA KAN KELUARGA”

PUTRAJAYA, 2 NOV. — Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menjadi agensi pertama menyambut Bulan Keluarga dengan mengadakan sambutan Hari Keluarga peringkat Kementerian, seiring dengan pelancaran bulan November sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan 2019.

1

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail bersama YB Puan Hannah Yeoh dan YBhg. Dato' Junaidah Kamarruddin semasa perasmian Hari Keluarga peringkat Kebangsaan di Putrajaya.

Majlis pelancaran serba ringkas namun meriah bertemakan “Kita Kan Keluarga” telah menggabungkan kesemua agensi di bawah KPWKM iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Institut Sosial Malaysia (ISM). Pelbagai acara kekeluargaan turut diadakan sepanjang program ini berlangsung.

Tema “Kita Kan Keluarga” dipilih bagi menyeru masyarakat supaya memperkukuh nilai murni dan semangat kekeluargaan dalam institusi keluarga dan juga di luar persekitaran keluarga termasuk di tempat kerja. Komuniti dan organisasi tempat bekerja juga adalah sebahagian daripada keluarga besar Malaysia.

Selain itu, Sambutan Bulan Keluarga turut diraikan di semua peringkat komuniti Agensi dan





2

Poster "Kita Kan Keluarga"

Kementerian. Ini adalah sebagai salah satu pengisian kepada Deklarasi Keluarga Malaysia (DKM) yang dijangka diadakan pada 25 November 2019 yang menggariskan komitmen Keluarga Malaysia bagi membina sebuah Negara Malaysia Baharu yang bersatu padu, bersih dan mengamalkan nilai-nilai berperibadi mulia melalui keluarga yang sejahtera, sihat dan resilien.

Justeru, pada tahun ini KPWK M ingin menyeru dan menggalakkan semua Kementerian dan Agensi untuk mengadakan Hari Keluarga peringkat organisasi masing-masing dengan menggunakan tema "Kita Kan Keluarga" seterusnya mengaktifkan tanda pagar #kitakankeluarga di media sosial masing-masing.

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

PUAN JUNAINAH BT MOHD ZAID
Ketua Unit Komunikasi Korporat

KETUA PENGARANG

PUAN KU NOOR AZIAN BT KU AZIZAN
Pegawai Perhubungan Awam Kanan

EDITORIAL

1. ENCIK MOHD KHUSAINI BIN ABDUL MANAN
2. PUAN NUR EMELIANA BT ISHAK
3. ENCIK AMIRUL HAZIQ BIN MOHD GHAZALI
4. PUAN MIRA BINTI ABDUL RAHMAN
5. ENCIK YUDAS KRISTO JAMES KATULAI
6. ENCIK MOHD KAMAL BIN MOHD SALLEH
7. ENCIK KHAIRUL FAZRIL BIN ABDUL WAHAB
8. ENCIK MOHD SHAHRUL BIN MOHD NOOR

www.kpwkm.gov.my



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Aras 35, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4,
62100 Putrajaya, MALAYSIA

f kpwkm @kpwkm @kpwkm

#KHIDMAT MASYARAKAT KPWK

ADAKAH TEMPAT KERJA ANDA MENYEDIAKAN PUSAT TASKA ATAU TERDAPAT PUSAT TASKA YANG BERHAMPIRAN?

Pastikan pusat TASKA yang menjaga anak-anak anda mempunyai ciri-ciri keselamatan dan menepati piawaian dalam penubuhan TASKA.

Lawatan YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke TASKA Tempat Kerja JPJ Negeri Melaka.

“TASKA Berdaftar, Anak Selamat, Keluarga Harmoni”

Mengambil petikan ucapan YB Puan Hannah Yeoh semasa merasmikan lawatan tersebut, “Sepertimana dalam pengumuman Belanjawan 2019, peruntukan RM10 juta disediakan untuk menambah 50 buah TASKA baharu di bangunan Kerajaan. Namun, dengan kekangan peruntukan, kita dapat

menguruskannya secara berhemah dan berjaya menubuhkan 66 buah TASKA di Tempat Kerja sektor awam iaitu melebihi sasaran sebenar.

Menerusi Belanjawan 2020 yang dibentangkan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) diperuntukan sebanyak RM30 juta untuk penambahan lebih banyak TASKA di tempat kerja sektor awam terutamanya di hospital dan kuarters guru. Kita menjangkakan lebih 150 buah TASKA baharu akan ditubuhkan menjelang akhir tahun 2020.

1
Bergambar kenangan bersama di dalam TASKA yang dilawati.



2
Penerangan oleh Ketua JPJ Melaka, Tn. Muhammad Firdaus Sharif mengenai TASKA yang dilawati.

3
YB Puan Hannah Yeoh menurunkan tandatangan bagi merasmikan TASKA JPJ Melaka.

#KHIDMAT MASYARAKAT KPWKM

BAHTERA@PSR

KPWKM memperkenalkan inisiatif baharu melalui jalinan kolaborasi strategik bersama Kementerian Pertahanan dalam program membaiki pulih institusi JKM dan rumah penerima bantuan JKM dalam kalangan pesara tentera.

Program ini dinamakan sebagai Program Baiki Rumah Untuk Sejahtera atau BAHTERA@PSR. Program diadakan sempena Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Melaka pada 19 Oktober 2019.

Melalui program ini, KPWKM telah menampung kos pembaikan manakala pihak Kementerian Pertahanan (MINDEF) akan menyediakan sumber tenaga dan kepakaran pembaikan kecil rumah yang dipinjamkan daripada program Jiwa Murni. Program Jiwa Murni ini merupakan satu inisiatif sedia ada yang dilaksanakan oleh MINDEF. Penerima

bantuan terdiri daripada pesara tentera yang juga merupakan penerima bantuan JKM.

Dalam program ini, sebuah rumah penerima bantuan yang terletak di Kg. Alai, Melaka telah dipilih dan antara khidmat yang disalurkan ialah membaiki rumah yang dilaksanakan oleh pihak tentera bersama sukarelawan JKM. Adalah menjadi harapan masyarakat dan pihak Kementerian jua agar program BAHTERA@PSR ini dapat diperluaskan di seluruh negara pada tahun hadapan bagi memastikan lebih ramai penerima yang layak mendapat manfaat daripadanya.



1

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, melawat rumah yang telah dibaikpulih dalam program Bahtera@PSR bersama YBhg. Dato' Junaidah Kamarruddin, KSU KPWKM.



2

2

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail bersama Pengurusan Tertinggi dan SUK Melaka meluangkan masa bersama penerima sumbangan dalam program Bahtera@PSR di Melaka pada kali ini.

3

Anggota Tentera yang terlibat dalam aktiviti program Bahtera@PSR di Melaka mengambil peluang bergambar bersama YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



#BERITA KPWK M

PERTANDINGAN AMAZING RACE ZON TENGAH – KEK DAN PASTRI

KUALA LUMPUR, 16 OGOS – YBhg. Datuk Saidatu Akhma Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita telah merasmikan Pertandingan *Amazing Race Zon Tengah* yang diadakan di Kuala Lumpur.

Antara hasil tangan peserta Pertandingan *Amazing Race Zon Tengah* ialah *Tier 3* Kek dan Pastri. Pertandingan Zon Tengah ini melibatkan penyertaan daripada 3 buah negeri iaitu Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan penglibatan seramai 15 orang peserta bagi merebut gelaran Juara *Amazing Race Zon Tengah* (Kategori Kek dan Pastri) di *Silver Spoon International College*.

Asas kepada pertandingan ini adalah untuk mengukur tahap dan kadar keberkesanan Kursus Kemahiran Jangka Pendek yang telah ditawarkan oleh JPW kepada kumpulan sasaran.

Pertandingan ini merupakan salah satu modul di bawah program PACBE iaitu Program Pusat Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi bagi melahirkan usahawan wanita yang lebih berjaya dan berdaya saing selain memperkasakan wanita di dalam bidang perniagaan dari pelbagai peringkat.

1 3

Antara pastri dan kek yang berjaya dihasilkan oleh peserta pertandingan *Amazing Race* pada kali ini.



2

Peserta Pertandingan *Amazing Race Zon Tengah Tier 3* (Kategori Kek dan Pastri) sedang bertungkus lumus mengejar masa menyiapkan kek dan pastri.

4

Pemenang pertama menerima hadiah kemenangan daripada Chef Zam.



1

Ahli-ahli panel yang dijemput khas bagi membincangkan topik wanita dan keluarga.



2

Sebilangan peserta yang hadir menjayakan dan memberi sokongan Konvensyen Wanita dan Keluarga pada kali ini.



3

Bergambar kenangan bersama ahli panel dan keluarga contoh bagi Konvensyen Wanita dan Keluarga 2019.

#BERITA KPWK M

KONVENSYEN WANITA DAN KELUARGA KEBANGSAAN

PUTRAJAYA, 14 OKT. Konvensyen Wanita dan Keluarga Kebangsaan telah berlangsung dengan jayanya pada 14 Oktober 2019 bertempat di Hotel Marriott, Putrajaya.

Konvensyen yang dirasmikan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dihadiri seramai 500 peserta daripada pelbagai latar belakang.

Output daripada Konvensyen diharapkan dapat dimanfaatkan dan digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan inisiatif KPWK M serta untuk membangunkan dasar-dasar yang lebih baik khususnya berkaitan pemerkasaan wanita dan keluarga.

#BERITA KPWK M

KURSUS PEMANTAPAN PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT



1

Saling bekerjasama untuk menghasilkan persembahan yang lebih baik dan bermaklumat kepada para peserta yang lain.

2

Aktiviti berkumpul sebagai satu pendekatan untuk melahirkan tenaga kerja yang berpasukan.

3

Para peserta memberi sepenuh perhatian terhadap slot dalam kursus pada kali ini.

KUALA LUMPUR, 7 OKT. – Pada 7 – 11 Oktober 2019 Institut Sosial Malaysia (ISM) telah menganjurkan KURSUS PEMANTAPAN PEGAWAI KEBAJIKAN MASYARAKAT. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai dan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat

dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Penjara dan Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia seluruh negara menyertai kursus ini.

Objektif pelaksanaan kursus adalah untuk memberi kefahaman kepada peserta mengenai perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan masyarakat yang disediakan kepada kumpulan sasaran; memahami peranan dan tugas semasa melaksanakan tugas mengikut bidang perkhidmatan berkaitan; memahami dasar dan perundangan

dalam melaksanakan tugas bersama kumpulan sasaran.

Pengisian kursus adalah berbentuk ceramah, perbincangan dalam kumpulan dan sesi perkongsian *'best practices'*.

Pada akhir kursus, peserta diharapkan dapat melaksanakan peranan dan tugas seharian dengan lebih kompeten dan efektif kepada kumpulan sasaran selaras dengan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa.

#BERITA KPWK M

PROGRAM GALAKAN PENDAFTARAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA)

PUTRAJAYA, 26 SEP. – Satu Program Galakan Pendaftaran Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Pemberian Diskaun Bil Elektrik sebanyak 20 peratus telah dilancarkan di KPWK M, Putrajaya.

Inisiatif ini adalah hasil daripada konsultasi dan advokasi KPWK M bersama-sama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk mengurangkan kos pengoperasian TASKA serta meningkatkan pendaftaran TASKA dengan JKM. Melalui inisiatif ini, TASKA yang berdaftar dengan JKM akan dapat menikmati pemberian diskaun 20 peratus bagi bil elektrik TNB.

YB Puan Hannah Yeoh berkata dalam sidang media, “Salah satu faktor Pendaftaran TASKA berkurang adalah

kerana kos operasi yang terlalu tinggi termasuk kos utiliti, sewaan premis, makan minum kanak-kanak di TASKA serta keperluan untuk mematuhi had gaji minimum”.

TASKA yang layak dimasukkan ke dalam program ini haruslah berdaftar dengan JKM dan mempunyai Tarif Elektrik Komersial.

Sebanyak 88.9 peratus TASKA yang tidak berdaftar telah dikenal-pasti dan KPWK M menyeru agar pengusaha-pengusaha TASKA yang masih belum berdaftar untuk mendaftarkan TASKA yang diusahakan dengan JKM bagi mencapai kadar 40,000 buah TASKA berdaftar dan penjimatan sebanyak RM10 juta dapat dinikmati melalui program ini.

1

Kerjasama bersama pihak TNB bagi menjayakan inisiatif ini kepada pengusaha TASKA di seluruh negara.



2

YB Puan Hannah Yeoh bersama YB Yeo Bee Yin, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, berbincang mengenai topik program yang dilancarkan.

3

Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) berbincang sebelum acara program dimulakan.



#WARNAWARNIKPWKM #KITAKANKELUARGA





#BERITA KPWK

MAJLIS PELANCARAN BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN TAHUN 2019

PUTRAJAYA, 10 OKT. – Majlis pelancaran Bulan Kaunseling Kebangsaan 2019 dan Konvensyen Kaunseling Kebangsaan: ‘Kaunselor dan Komuniti’ telah disempurnakan oleh YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Anjuran Unit Amalan Kaunselor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Kaunselor dan semua pihak yang terlibat telah menjayakan sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2019 ini dan menjadikannya satu realiti. Bertemakan “Membawa Perkhidmatan Kaunseling Kepada Komuniti”.

Tema ini selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan akses komuniti kepada perkhidmatan kaunseling dan memberikan kesedaran kepada

masyarakat mengenai kewujudan kaunselor dan kepentingan perkhidmatan kaunseling profesional dalam komuniti. Kaunselor dan perkhidmatan kaunseling sebagai satu keperluan yang penting kepada masyarakat dan berharap agar perkhidmatan kaunseling dapat dipertingkatkan dan digunakan secara optimum oleh masyarakat.

Bagi memastikan perkara ini dicapai, kita perlu mengubah stigma terhadap perkhidmatan kaunseling. Perkembangan dan pembangunan pesat negara dan revolusi industri 4.0 (IR4.0) dilihat akan terus memberikan cabaran



1
YAB Dato’ Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat meluangkan masa bersama sukarelawan JKM yang mendapat anugerah pada hari tersebut.



2
Para Kaunselor seluruh negara datang memberikan sokongan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2019.



3
Kaunselor memberi tumpuan terhadap ceramah yang disampaikan.



4

Salah seorang kaunselor dalam sesi soal jawab bersama penceramah.

5

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam ucapan perasmian pada majlis pelancaran Bulan Kaunseling Kebangsaan di PICC.



kepada komuniti dari sudut kesihatan mental dan psikologi.

Begitu juga dengan krisis komuniti yang berlaku seperti penderaan kanak-kanak, keganasan rumah tangga, pengabaian orang tua, pembuangan bayi, pedofilia dan sebagainya, memberikan kesan dan menjejaskan kesejahteraan masyarakat.

Oleh itu, seseorang kaunselor itu perlu terlatih dalam bidang kaunseling dan berkemahiran seperti kemahiran

mendengar, empati dan refleksi yang tinggi dalam memberikan perkhidmatan kaunseling yang lebih **berkesan, profesional dan seterusnya membina keyakinan klien** terhadap kaunselor.

Setiap kaunselor perlu berdaftar sebagai kaunselor berdaftar di bawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580). Sehingga 31 Ogos 2019, terdapat 8,773 orang kaunselor berdaftar dengan Lembaga Kaunselor. Ini bermakna, pada masa ini, terdapat 1 orang kaunselor berdaftar

bagi setiap 3,716 orang penduduk. Jurang nisbah ini masih terlalu besar berbanding bilangan kaunselor, untuk mendepani masalah sosial yang semakin kompleks pada hari ini dengan berkesan. Ini kerana, mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, setiap tahun dianggarkan 800,000 orang di seluruh dunia meninggal dunia akibat bunuh diri, iaitu satu kematian dalam setiap 40 saat.

#BERITA KPWK

MAJLIS PERASMIAN DIGITAL SPACE (MAKMAL ICT)

PUSAT PERKEMBANGAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN SERENDAH (PPKKS) DENGAN KERJASAMA MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD (MAHB)



1

Bergambar kenangan bersama YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, pihak MAHB dan kakitangan Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah, Selangor

SERENDAH, 21 OKT.
– MAJLIS PERASMIAN
DIGITAL SPACE
(MAKMAL ICT) DI PUSAT
PERKEMBANGAN
KEMAHIRAN KEBANGSAAN
SERENDAH (PPKKS)
dengan kerjasama

Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Kehadiran YBhg. Tan Sri Zainun Ali, Pengerusi MAHB menambah

lagi hubungan kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam program yang dilaksanakan khusus untuk kesejahteraan para pelatih di pusat perkembangan kemahiran ini.

Program yang diadakan adalah salah satu contoh kerjasama murni antara

2

Pengurusan Tertinggi KPWKM bersama YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melihat kemahiran pelatih di pusat tersebut.

3

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menurunkan tandatangan pada plak perasmian.



3



4

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama YBhg. Tan Sri Zainun Ali (Pengerusi MAHB) dan Puan Anis Rizana binti Mohd. Zainuddin (TKSU (O)).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan syarikat korporat. Kerjasama sebegini amat dialu-alukan kerana kementerian memerlukan sokongan daripada semua pihak khususnya dalam aspek pembangunan masyarakat.

Sejarah Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah ini bermula dengan penubuhan Sekolah Budak Laki-Laki Serendah pada tahun 1946. Pada ketika itu ianya dibiayai oleh Kerajaan Britain dan pada tahun 1950, sekolah ini ditukar menjadi Rumah Kanak-Kanak Lelaki dengan tujuan menjadi pusat

penjagaan dan perlindungan. Seterusnya pada 13 Oktober 1996, telah ditukar nama kepada Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah.

Pelatih-pelatih di sini terdiri daripada kanak-kanak lelaki yang merupakan penghuni institusi kanak-kanak di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang berumur 12 tahun hingga 18 tahun dan dipilih untuk mengikuti program berbentuk kemahiran diri, latihan akademik, pendidikan jasmani dan kerohanian khusus untuk melengkapkan diri mereka untuk berdikari. Para pelatih diberi peluang

untuk mengikuti latihan kemahiran seperti Kursus Mekanik, Kenderaan Motor, Kursus Elektrik, Kursus Jahitan dan Kursus Komputer (ICT).

Pihak MAHB telah memberikan sumbangan korporat dalam bentuk pemasangan **peralatan ICT, sumbangan buku-buku dan kelengkapan lain bagi menaik taraf makmal komputer di sini**. Sumbangan ini akan dapat menjamin keberhasilan pelatih untuk menuntut ilmu, menjalani latihan dan mencari maklumat yang berkaitan dengan lebih baik.

#BERITA KPWK M

BENGKEL KEUSAHAWANAN SOSIAL

KUALA LUMPUR, 5 NOV. – Institut Sosial Malaysia (ISM) telah menganjurkan satu **BENGKEL KEUSAHAWANAN SOSIAL** pada 5-7 November 2019 di ISM, Kuala Lumpur.

Seramai 22 orang peserta terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU) yang juga merupakan usahawan dipilih melalui penyertaan Program *Outreach* Pemerkasaan Usahawan OKU yang telah diadakan pada 3 November 2019 di ISM.

Objektif pelaksanaan bengkel adalah untuk memantapkan pengetahuan mengenai sumber dana serta latihan

dan program yang disediakan oleh JKM atau agensi-agensi lain (kerajaan/ sektor swasta/ NGO) untuk mengupayakan OKU. Bengkel ini turut menekankan pengetahuan dan kefahaman mengenai asas perniagaan dan keusahawanan serta pengurusan projek melalui pendekatan *Productive Welfare* dalam usaha membangunkan OKU ke arah kehidupan berdikari dan berkemahiran.



1

Sebilangan peserta OKU yang hadir.

2

Ceramah yang disampaikan oleh Puan Dr. Sofia Amin daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

3

Puan Anis Rizana binti Mohd. Zainuddin, Timbalan Ketua Setiausaha (O) semasa memberikan ucapan.

#PROGRAM MESRA RAKYAT

MAJLIS PERASMIAAN PROGRAM SANTUNI RAKYAT PERINGKAT NEGERI MELAKA

MELAKA, 19 OKT. – Program Santuni Rakyat peringkat Negeri Melaka pada kali ini merupakan penghubung antara masyarakat, khususnya golongan yang memerlukan dengan pelbagai Agensi Kerajaan, pihak korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang

sedia menghulurkan bantuan dan perkhidmatan bagi kesejahteraan rakyat. Sejak edisi PSR yang pertama di Pandan dahulu, kita telah bekerjasama dengan rakan-rakan strategik daripada Kerajaan Negeri, agensi-agensi kerajaan pusat, badan-badan korporat dan badan bukan kerajaan (NGO-NGO).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK M) pada program ini telah mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan

oleh Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) kepada rakyat setempat khususnya.

Bertemakan “**Semarak Kasih, Malaysia Sejahtera**”, program telah membawa perkhidmatan dan maklumat daripada



1
YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merasmikan Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Melaka pada 19 Oktober 2019.

2

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sempat bermesra bersama pengunjung cilik yang menyertai pertandingan mewarna anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat.

2



3

Antara perkhidmatan 'mobile' daripada agensi kerajaan yang turut serta dalam Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Melaka.

4

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat meluangkan masa melawat pameran masa melawat pameran (JAKOA) Negeri Melaka yang mempamerkan seni kraf daripada mengkuang.



3



4

agensi-agensi lain di peringkat kerajaan negeri dan kerajaan pusat, sektor swasta dan NGO, khas untuk disampaikan secara terus kepada masyarakat.

Seperti kebiasaannya, dalam setiap edisi PSR, program telah memilih satu kumpulan sasar KPWK sebagai topik utama, dan pada kali ini, ialah

"WANITA". Berdasarkan statistik pada tahun 2018, sebanyak 1,010 atau pun 15.7 peratus daripada 6,245 kerusi Lembaga Pengarah diisi oleh Wanita. Manakala bagi 100 syarikat-syarikat teratas tersenarai awam (PLC) pula, Ahli Lembaga Pengarah dalam kalangan Wanita adalah seramai 24.4 peratus pada tahun 2018 berbanding 19.27 peratus

pada tahun 2017. Kerajaan bertindak agresif untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh dengan perancangan menyediakan 33,000 peluang pekerjaan bagi wanita berusia 30 – 50 tahun yang telah berhenti kerja selama setahun atau lebih.

KPWK melalui JPW turut melaksanakan inisiatif sedia ada untuk menggalakkan aktiviti ekonomi informal dalam kalangan wanita melalui program **Pusat Cakna Bangun Ekonomi (PACBE)** yang merangkumi bengkel/ kursus atau latihan pemantapan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perkhidmatan dan pembuatan produk. Sehingga 15 Oktober 2019, **573 program telah dilaksanakan dengan penglibatan 10,332 orang majoriti peserta wanita daripada kelompok B40.**



5

5

Sebahagian pengunjung yang memeriahkan suasana PSR Peringkat Negeri Melaka.



6 Ketibaan YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat disambut dengan penuh meriah oleh Masyarakat setempat.

7 8 9

Antara aktiviti yang terdapat dalam program PSR Peringkat negeri Melaka.

**Anda Tidak Keseorangan
Dapatkan Bantuan
Di Rumah Perlindungan
Untuk Bayi Dan Diri Anda**

Hubungi
TALIAN *Kasih* 
1 5999

Kami Sedia Membantu



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT